

Kata Pelarian Dalam Akhbar Al-Jazeera Bahasa Arab

Refugee Word In Al-Jazeera

**Syahirah Almuddin ^{1*}, Mohamad Hussin², & Surinderpal Kaur Chanan Singh³,
Ahmad Arifin Sapar⁴**

¹ Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia, syahirah12@uitm.edu.my, 06-4832155.

² Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia, mohamadhussin@um.edu.my

³ Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia, surinder@um.edu.my

⁴ Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia, arifin@um.edu.my

* Corresponding Author: Syahirah Almuddin. Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia, syahirah12@uitm.edu.my, <https://orcid.org/0000-0002-7864-3212>.

ABSTRACT

This study will demonstrate the categories of refugees which are reported in the news articles featured in al-Jazeera in the Arabic language about Syrian refugees. The data analysis in this study will be carried out by using the approach of Three-Dimensional Model for Critical Discourse Analysis which has been pioneered by Norman Fairclough (1989, 1992, 1995, 2003). This approach involves three levels of discourse analysis, which are textual analysis, analysis of discursive practices, and analysis of social practices. This study will only focus on textual analysis which concentrates only on lexical analysis. Al-Jazeera has predominantly been seen as having used a lot of words which have referred to the refugees in the news articles that have been published. On this account, this study aims to see how language is being used in order to distinguish the categories of the existing refugees. This study will try to answer two major questions, which are: first, what are the words used to refer to the groups of refugees and second, what are the features that have been described by the news articles about the word “refugees” itself. The results of this study show that there are three main categories of refugees that have been found in al-Jazeera. The categorization involves international refugees, domestic refugees, and migrants.

Keywords: *Syrian Refugees; immigrants; discourse analysis*

ABSTRAK

Kajian ini akan memperlihatkan kata pelarian yang terdapat dalam artikel berita pelarian Syria dalam al-Jazeera Bahasa Arab. Analisis data dalam kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan Model Tiga Dimensi yang dipelopori oleh Norman Fairclough (1989, 1992, 1995, 2003). Pendekatan ini melibatkan tiga tahap analisis wacana, iaitu analisis teks, analisis amalan diskursif dan analisis praktis sosial. Kajian ini tertumpu kepada analisis teks sahaja yang hanya akan memfokuskan kepada analisis leksikal. Al-Jazeera dilihat menggunakan pelbagai perkataan untuk merujuk kepada pelarian. Jadi, kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana bahasa digunakan dalam membezakan kategori-kategori pelarian yang ada. Kajian ini akan cuba menjawab dua persoalan utama iaitu apakah perkataan yang digunakan bagi merujuk golongan pelarian dan apakah ciri-ciri yang digambarkan dalam artikel berita mengenai perkataan pelarian tersebut. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga kategori utama pelarian yang terdapat dalam al-Jazeera. Kategori ini melibatkan golongan pelarian, golongan pelarian dalam negara dan pendatang.

Kata Kunci: Pelarian Syria; pendatang; analisis wacana

Received: March 17, 2023

Accepted: May 27, 2023

Online Published: May 30, 2023

1.0 Pengenalan

Konflik Syria yang berlanjutan sejak Mac 2011 telah membawa kepada krisis kebanjiran pelarian yang dianggap paling dahsyat dalam sejarah kemanusiaan moden selepas perang dunia kedua (Zulkifli, 2012). Sepanjang dua dekad yang lalu, penduduk global yang berpindah secara paksa telah berkembang sebahagian besarnya dari 33.9 juta pada tahun 1997 kepada 65.6 juta pada tahun 2016, dan ia kekal pada rekod tinggi. Kadar kenaikan ini tertumpu antara tahun 2012 dan 2015, didorong terutamanya oleh Konflik Syria (Laporan Global Trends UNHCR, 2016). Tahun 2014 menyaksikan peningkatan tahunan tertinggi perpindahan pelarian sebanyak 8.3 juta orang berbanding tahun sebelumnya. Laporan Global Trends (2014) terhadap Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR), menganggarkan 59.5 juta orang berpindah secara paksa di seluruh dunia sehingga akhir tahun 2014. Menjelang akhir tahun 2016, 65.6 juta orang telah dipindahkan ke seluruh dunia akibat dari penganiayaan, konflik, keganasan, atau pelanggaran hak asasi manusia. Berlaku peningkatan sebanyak 300,000 orang berbanding tahun sebelumnya, dan penduduk yang dipindahkan dari seluruh dunia kekal pada rekod tinggi pada tahun 2016.

Lebih daripada 55 peratus pelarian seluruh dunia merupakan pelarian yang datang dari tiga buah negara yang menyaksikan Republik Arab Syria berada di tangga teratas mewakili 5.5 juta orang pelarian, diikuti oleh Afghanistan yang mewakili 2.5 juta orang pelarian dan Selatan Sudan yang mewakili 1.4 juta orang pelarian. Disebabkan ini, kajian mengenai pelarian sentiasa mendapat tempat dalam kalangan pengkaji akademik sama ada kajian yang dibuat melibatkan kajian bahasa, atau politik antarabangsa, ekonomi, agama dan sebagainya. Secara umumnya golongan pelarian, pencari suaka dan pendatang merujuk kepada orang yang keluar dari negara asalnya. Berikutian perbezaan kata yang digunakan

menunjukkan terdapat perbezaan makna antara ketiganya. Penggunaan perkataan yang berbeza di dalam laporan berita meninggalkan kesan yang berbeza kepada pembaca. Fairclough (2001) menjelaskan bahawa pengeluar teks (media) mempunyai kuasa menetapkan dan mencorakkan bagaimana sesuatu isu itu dijelaskan, dan bagaimana kedudukan subjek ditonjolkan. Begitu juga dengan sumber-sumber yang diambil, yang biasanya tidak mewakili semua kumpulan sosial. Oleh itu, perkara ini perlu diteliti bagi memahami peranan dan tujuan penggunaan corak dan bentuk bahasa. Kuasa yang dimainkan media bergantung kepada pihak lain yang diwakilinya yang kebiasaannya berperanan sebagai alat untuk menyampaikan kuasa pihak berkuasa.

2.0 Penyataan Masalah

Kajian representasi media terhadap pelarian (*refugee*), pencari suaka (*asylum seeker*) dan pendatang (*immigrant*) secara ringkasnya *RASIM* telah mendapat tempat dalam kajian lebih sedekad yang lalu (lihat Don dan Lee, 2014; Esses, Medinau & Lawson, 2013; Khosravini, 2009; Coole, 2002; Mollard 2001; Gale, 2004). Terdapat beberapa stereotaip mengenai pelarian dapat dilihat dalam representasi media iaitu: terlibat dengan jenayah, berstatus haram, sebagai ancaman kepada identiti tuan rumah dan ekonomi (Haynes, Devereux and Breen, 2006; Burroughs E. 2015). Stereotaip ini dapat dilihat melalui penggunaan bahasa yang digunakan terutamanya perkataan yang merujuk golongan ini (lihat Kyriakides 2016; Gabrielatos & Baker, 2008; Goodman & Speer, 2007). Akhbar Al-Jazeera dilihat sedaya upaya untuk menjadi ‘suara’ golongan ini dalam setiap penyampaian berita mengenai mereka. Jawatankuasa editorial al-Jazeera berbahasa Inggeris pada Ogos 2015 telah menyatakan keputusannya untuk menggunakan perkataan pelarian (*refugee*) berbanding perkataan pendatang ekonomi (*economic migrant*) dalam laporan berita mengenai ‘Krisis Migrasi Mediterranean’ (*Mediterranean Migration Crisis*). Jadi kajian ini dibuat bagi meneliti bagaimana perkataan yang merujuk kepada golongan pelarian digunakan dalam al-Jazeera bahasa Arab yang secara khususnya memainkan peranan dalam pembentukan identiti pelarian dalam berita yang disampaikan.

3.0 Soalan dan Objektif Kajian

Berdasarkan penyataan masalah yang dinyatakan, terdapat perbezaan laporan berita terhadap pelarian. Terdapat laporan yang berbentuk negatif melalui stereotaip yang digunakan terhadap golongan pelarian dan terdapat laporan yang berbentuk positif yang membawa kepada mesej pembelaan terhadap pelarian. Jadi, kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana bahasa digunakan dalam membezakan kategori pelarian yang terdapat dalam laporan al-Jazeera seterusnya membentuk identiti pelarian tersebut.

Bagi mencapai objektif kajian ini, kajian ini akan cuba menjawab dua persoalan utama; Apakah perkataan yang digunakan bagi merujuk golongan pelarian? Apakah ciri-ciri yang digambarkan dalam artikel berita mengenai perkataan pelarian tersebut? Persoalan ini penting bagi mengenalpasti cara representasi pelarian dalam laporan berita yang disampaikan.

4.0 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilihat penting bagi membuka ruang kepada pengkaji untuk melihat kepentingan aspek bahasa dan kuasa yang disampaikan oleh media dalam isu kemanusiaan sebagai isu yang perlu diberi perhatian. Melalui kajian ini, kita akan dapat melihat bagaimana pembinaan sosial pelarian telah diperkenalkan kepada masyarakat melalui bahasa yang digunakan dalam laporan berita. Media berupaya mempengaruhi pembaca untuk menerima dan bersetuju dengan isu yang dibincangkan. Walaupun terdapat perbezaan antara gambaran yang dilaporkan media dengan apa yang berlaku di dunia realiti, dengan kuasa yang dimiliki pihak media, pelarian dikenali dengan identiti yang ditonjolkan media.

5.0 Kajian Lepas

Kajian terhadap representasi pelarian, pendatang dan pelbagai etnik minoriti dalam masyarakat moden mendapat tempat pelbagai bidang kajian dalam kalangan pengkaji (lihat KhosraviNik, 2009; Parker, 2015; Lueck, Due, & Augoustinos, 2015; Burroughs, 2015; Don & Lee, 2014; Lee 2016; Abid, 2015, Efe 2018, Dimitrova et. al, 2018). Kajian terdahulu yang dilakukan terhadap berita mengenai pelarian sering mendedahkan masalah yang dibawa oleh golongan ini. Mereka sering dikaitkan dengan masalah jenayah dan mengancam masyarakat setempat. Selain masalah jenayah, masalah sosial lain seperti keruntuhan akhlak dan moral juga sering dikaitkan dengan pelarian. Terutamanya pelarian yang tinggal di kem pelarian (lihat Perez, 2021).

Terdapat 7 golongan utama yang difokuskan dalam laporan *Global Trends UNHCR*. Golongan ini melibatkan Pelarian (*refugees*), pelarian yang pulang (*returned refugees/returnees*), pencari suaka (*asylum-seekers with pending cases*), pelarian dalam negara (*internally displaced persons IDPs*), *IDPs* yang pulang (*returned IDPs*), golongan yang berada di bawah mandat UNHCR (*persons under UNHCR's statelessness mandate*) dan kumpulan-kumpulan lain (*other groups or person of concern*). Namun kajian ini hanya akan memfokuskan kepada 3 kategori utama yang dilihat relevan dengan data kajian iaitu pelarian (*refugees*), pelarian dalam negara (*IDPs*) dan pendatang (*immigrant*). Perkataan-perkataan ini sering digunakan secara bertukar ganti antara satu dengan yang lain dan digunakan sebagai perkataan sinonim di dalam korpus (Baker et al. 2008; Wodak, 2006; Lee 2015). Simon dan A. Speer (2007), melalui kajian mereka mendapati terdapat tiga strategi yang digunakan penutur ketika membicarakan mengenai pelarian seperti berikut:

Pertama: Penutur akan membezakan penggunaan kata pelarian (*refugee*) dan pendatang (*migrant*);

Kedua: Penutur akan menyamakan penggunaan kata pelarian dan pendatang ekonomi;

Ketiga: Kata pelarian dan pendatang haram kadangkala dibezakan dan kadangkala disamakan.

Justeru itu, kajian mengenai golongan ini seringkali meletakkan mereka sebagai satu kumpulan melibatkan *Refugee*, *Asylum seeker*, dan *immigrant* secara ringkasnya dikenali sebagai (RASIM).

Pelarian menurut *United Nations Convention Relating to the Category of Refugees, Article 1(A)(2)* Konvensyen Geneva PBB (1951) adalah seseorang yang telah meninggalkan negara asal kerana sedang ditindas disebabkan isu-isu bangsa, agama, kewarganegaraan, keahlian sosial atau pandangan politik serta tidak mendapat perlindungan dari negara itu. Melihat kepada definisi ini, pelarian dilihat sebagai golongan yang terpaksa keluar dari negara mereka disebabkan konflik bersenjata atau penganiayaan yang memerlukan perlindungan antarabangsa kerana terlalu bahaya untuk kekal di negara mereka. Contoh pelarian ialah Pelarian Syria dan Palestin. Golongan ini dilindungi di bawah undang-undang antarabangsa oleh konvensyen pelarian 1951, yang mentakrifkan pelarian dan menggariskan hak asasi yang diberikan kepada mereka.

Perkataan pelarian ini digunakan khusus kepada pelarian yang melarikan diri keluar dari negara asal. Manakala pelarian yang melarikan diri dalam negara dikenali sebagai *Internally displaced persons* (IDPs). Perkataan pelarian dalam bahasa Arab ialah لاجئ. Manakala perkataan IDPs dalam bahasa Arab ialah نازح. Sebelum golongan ini mendapat status pelarian yang sah, mereka digelar sebagai pencari suaka.

Istilah pencari suaka (*Asylum Seeker*) pula merujuk kepada mereka yang memohon pengiktirafan sebagai pelarian di negara lain dan belum ada keputusan dibuat ke atas status pelarian mereka. Kerajaan atau UNHCR sekiranya kerajaan gagal dalam tanggungjawabnya, hendaklah menyediakan pendaftaran, penentuan kategori dan penyelesaian yang kukuh dan berpanjangan untuk pencari suaka dan pelarian (Amnesty International Jun 2010:5). Perkataan pendatang atau dalam bahasa Inggerisnya *migrant/immigrant* terdapat perbezaan dari sudut penggunaannya. Migran melibatkan pelbagai jenis pergerakan orang dan biasanya boleh dibahagikan kepada orang asing yang tidak tinggal secara kekal dan imigran adalah orang yang masuk ke negara lain dengan niat tinggal secara kekal (Matsaganis, et al., 2011). Jadi, perkataan migran lebih umum berbanding imigran. Perbezaan di antara pendatang dan pelarian ialah penghijrahan pendatang merupakan penghijrahan yang telah dirancang dan merupakan pilihan mereka sendiri (Kyriakides, 5:2016). Pendatang pula, dapat dibahagikan kepada dua golongan utama iaitu pendatang tanpa izin *illegal immigrant*, dan pendatang ekonomi *economic migrant*. Pembahagian ini dibuat berdasarkan status mereka di sisi undang-undang negara tuan rumah yang terlibat.

Pendatang tanpa izin adalah mereka yang tinggal di sesebuah negara tanpa mendapat kebenaran. Di sesetengah negara, golongan ini diterima dan adakalanya tidak diterima. Golongan yang diterima dikenali sebagai golongan yang tidak mempunyai dokumen yang sah “undocumented”. Penerimaan ini bukanlah sebagai penerimaan yang sah, namun golongan ini dieksploitasi oleh pihak tertentu demi kepentingan mereka. Sebagai contoh mengambil mereka sebagai pekerja buruh yang tidak memerlukan bayaran gaji yang tinggi serta tiada bayaran pengurusan yang diperlukan. Manakala golongan yang tidak diterima dikenali sebagai pendatang tanpa izin “*illegal immigrants*”. Golongan ini selalunya akan dihantar kembali ke negara asal selepas dikenalpasti oleh pihak berkuasa.

Pendatang ekonomi, ialah pendatang yang rela meninggalkan rumah atas sebab ekonomi seperti keluar untuk bekerja. Contoh pendatang ekonomi ialah pendatang berkemahiran tinggi di Eropah. Di Eropah, terdapat polisi yang mengalu-alukan kedatangan

pendatang berkemahiran tinggi dari negara dunia ketiga *Highly Skilled Thirds Country Nationals* (HS TNCs). Golongan ini akan menerima kad biru (*Blue Card*).

Jadi, istilah pelarian adalah berbeza dengan pendatang. Pelarian terpaksa keluar dari negara mereka bagi menyelamatkan diri dari ancaman yang dihadapi. Manakala pendatang pula merupakan golongan yang keluar dengan pilihan mereka sendiri untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Malah penggunaan kedua-dua perkataan ini memberi kesan yang berbeza dari aspek penerimaan masyarakat. Pendatang dilihat sebagai “*negative economic migrant*” dilihat sebagai golongan yang tidak perlu dibantu. Manakala pelarian “*positive non-economic*” merupakan mangsa yang berhak dan perlu diberi perlindungan. Pencari suaka pula merupakan golongan pelarian yang berhak mendapat perlindungan daripada lebih kurang 150 negara yang menandatangani Konvensyen Pelarian 1951, tetapi sedang menunggu pengesahan status pelarian.

6.0 Metodologi

Data yang dipilih merupakan 50 artikel berita bahasa Arab yang diambil melalui laman web berita al-Jazeera yang diperoleh melalui laman <http://www.aljazeera.net/portal>. Jumlah 50 topik artikel ini melibatkan korpus sebesar 23826 patah perkataan. Artikel berita ini dipilih menggunakan kata kunci pelarian (اللاجئين), pendatang (مهاجر) dan warga Syria (السوريين). Sebanyak 50 artikel berita dipilih dari tahun 2014 hingga 2015. Artikel ini kemudiannya disalin (*copy*) dan disimpan dalam bentuk *word (.doc extension)* dan dilabelkan mengikut tahun dan tarikh dikeluarkan. Artikel ini dipilih berdasarkan kandungan laporan beritanya yang memaparkan berita kesusahan pelarian Syria.

Al-Jazeera dipilih sebagai sumber data kerana ia dilihat sebagai badan berita yang menyampaikan berita dari perspektif bangsa Arab (el-Nawawy, 2003; el-Nawawy & Iskandar, 2002; Johnson, T. J., & Fahmy, S., 2008) serta dianggap sebagai CNN di dunia Arab yang menjadi salah satu organisasi berita paling penting dan terkemuka dari aspek politik di dunia hari ini (Miles, 2005; Seib, 2007 dalam Johnson, T. J., & Fahmy, S. (2010) dan sebagai sumber berita yang paling dipercayai (Fahmy, S., & Johnson, T. J. , 2007; Johnson, T. J., & Fahmy, S. 2008).

Manakala tahun 2014 dan 2015 dipilih kerana memperlihatkan beberapa episod peristiwa penting terhadap pelarian yang menarik perhatian dunia dan media khususnya. Tahun 2014 menyaksikan peningkatan tahunan tertinggi perpindahan pelarian sebanyak 8.3 juta orang berbanding tahun sebelumnya. Laporan Global Trends (2014) terhadap Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR), menganggarkan 59.5 juta orang berpindah secara paksa di seluruh dunia sehingga akhir tahun 2014. Tahun 2015 pula menyaksikan beberapa peristiwa penting yang menarik perhatian dunia terhadap isu ini. Seperti peristiwa kematian Alan Kurdi yang lemas di pantai Turki. Menurut laporan *The Guardian* pada 9 November 2015, akhbar di Eropah barat dilihat lebih bersimpati terhadap pendatang dan pelarian sejurus selepas penyiaran gambar Alan Kurdi di pantai Turki. Peristiwa ini juga telah menyumbang kepada penerimaan 25,000 ribu orang pelarian Syria di Canada.

Model Tiga Dimensi Fairclough

Analisis data dalam kajian ini akan dilaksanakan menggunakan pendekatan Model Tiga Dimensi Critical Discourse Analysis (CDA) yang dipelopori oleh Norman Fairclough (1989, 1992, 1995, 2003). Pendekatan ini melibatkan tiga tahap analisis wacana, iaitu analisis teks, analisis amalan diskursif dan analisis praktis sosial. Pendekatan Model Tiga Dimensi Fairclough ini digunakan dalam pelbagai kajian yang melibatkan berita. Antaranya kajian yang dibuat oleh Reza Abdi dan Ali Basarati (2016), Bolte dan Keong, Zhang (2014), Mayasari, Darmayanti, dan Riyanto (2013). Kajian ini akan tertumpu kepada analisis teks sahaja kerana ingin melihat penggunaan bahasa ketika melaporkan berita mengenai pelarian. Menurut Fairclough (1992), analisis teks boleh dibuat dengan melihat kepada empat perkara utama iaitu leksikal, tatabahasa, kohesi dan struktur teks. Dalam kajian ini, analisis hanya melibatkan analisis pada tahap leksikal. Terdapat 3 fokus utama yang boleh dilihat pada tahap ini, iaitu proses pemilihan kata (*alternative wordings*), makna perkataan dan unsur metafora. Analisis dibuat dengan menjawab 4 soalan di bawah peringkat analisis perkataan dari 10 soalan utama yang dikemukakan Fairclough (1989:92-93) sebagai panduan bagi analisis pada peringkat teks. Soalan-soalan ini melibatkan soalan seperti berikut:

a) Perkataan

- 1) Apakah nilai *experiential* yang terdapat pada perkataan?
 - Apakah klasifikasi pemilihan perkataan yang digunakan?
 - Adakah perkataan yang digunakan mewakili sesuatu ideologi?
 - Adakah perkataan tersebut digunakan secara *rewording* atau *overwording*?
 - Apakah kepentingan ideologi yang diperoleh melalui hubungan makna (sinonim, hiponim, antonim) yang terdapat pada perkataan?
- 2) Apakah nilai *relational* yang terdapat pada perkataan?
 - Adakah terdapat ungkapan halus (eufemisme) yang digunakan?
 - Adakah terdapat perkataan yang digunakan dianggap sebagai rasmi dan tidak rasmi?
- 3) Apakah nilai *expressive* yang terdapat pada perkataan?
- 4) Apakah unsur metafora yang digunakan?

Secara ringkasnya, soalan 1, 2, dan 3 berkait rapat dengan nilai *experiential*, *relational* dan *expressive* yang terdapat pada leksikal yang digunakan. Manakala soalan 4 berkaitan kata metafora yang digunakan. Perincian lebih hanya dibuat terhadap soalan 1 hingga 4 yang akan digunakan dalam kajian ini. Analisis data akan tertumpu kepada pemilihan kata yang digunakan untuk merujuk golongan pelarian. Perkataan ini akan disenaraikan mengikut konteks penggunaannya. Secara ringkasnya, analisis ini melibatkan aspek-aspek di bawah:

Jadual 1. Analisis Data

Tahap Analisis	Tumpuan Analisis	Alat Analisis
Analisis pada tahap kosa kata atau leksikal.	Analisis akan tertumpu kepada frekuensi kata dan kolokasi perkataan. Melibatkan tema dan corak pemilihan kata. <ul style="list-style-type: none"> - Frekuensi kata alternatif (perkataan yang sering digunakan) - Tema dan corak pemilihan kata mengenai pelarian (perkataan negatif atau positif) 	Peralatan korpus Antconc 3.4.4w

	- Hubungan semantik kata (sinonim, antonim, hipernim, hiponim)	
--	--	--

Selain penggunaan alatan korpus *Antconc* yang akan memberikan dapatan berbentuk kuantitatif, analisis secara manual akan dibuat bagi melihat dengan lebih terperinci penggunaan perkataan-perkataan ini dalam ayat. Analisis secara manual dibuat melalui analisis kandungan setiap artikel berita yang dikaji. Dapatan berbentuk kuantitatif digunakan bagi menyokong dan menguatkan dapatan secara manual. Analisis juga akan melihat apakah tema yang sering hadir bersama perkataan tersebut.

Fairclough (1992) ketika membincangkan analisis teks telah membahagikannya kepada 7 bahagian utama. Melibatkan analisis sistem pemilihan perkataan, analisis tatabahasa, analisis kohesi, analisis struktur ayat, analisis koheren, analisis *force of utterances* dan analisis intertekstualiti. Ketika membincangkan sistem pemilihan kata yang dibuat oleh pewacana, beliau memfokuskan kepada tiga perkara iaitu, pemilihan perkataan tertentu berbanding yang lain, makna perkataan serta unsur metafora. Makna perkataan pula tidak hanya terhad kepada makna kamus, malah berlaku pertindihan makna perkataan yang sama apabila digunakan pada konteks yang berbeza.

7.0 Dapatan Kajian

Terdapat beberapa perkataan yang digunakan bagi merujuk kepada golongan pelarian dalam artikel berita al-Jazeera seperti perkataan لاجئ */lāji'* (pelarian), perkataan سوري */suriyy'* (warga Syria), perkataan مهاجر */muhājir'* (pendatang), dan perkataan النازح */nāzih'* (pelarian dalam negara), serta beberapa kata adjektif yang sering dikaitkan dengan pelarian seperti perkataan فارّ */fārr'* (yang melarikan diri), perkataan قادم */qādim'* (yang datang) dan perkataan وافر */wāfid'* (rombongan yang datang). Berdasarkan dapatan ini, penggunaan tiga perkataan utama dibezakan dengan jelas iaitu pelarian, pelarian dalam negara (IDPs) dan pendatang.

Jadual 2. Frekuensi Perkataan Pelarian Dalam Al-Jazeera

BIL.	PERKATAAN	TERJEMAHAN	JUMLAH
1	اللاجئين <i>/al-lāji'in/</i>	Pelarian (ramai)	305
	لاجئ <i>/lāji'/</i>	Pelarian lelaki (seorang)	74
	للاجئين <i>/lillāji'in/</i>	Untuk pelarian (ramai)	58
	اللاجئ <i>/al-lāji'/</i>	Pelarian lelaki (seorang)	27

	اللاجئون <i>/al-lāji 'un/</i>	Pelarian (ramai)	20
	لاجئين <i>/lāji 'in/</i>	Pelarian (ramai)	15
	لاجئًا <i>/lāji 'an/</i>	Pelarian lelaki (seorang)	9
	كلاجئين <i>/kallāji 'in/</i>	Sebagai pelarian (ramai)	8
	لاجئون <i>/lāji 'un/</i>	Pelarian (ramai)	7
	اللاجئة <i>/al-lāji 'at/</i>	Pelarian perempuan (seorang)	5
٢	السوريين <i>al-suriyyin</i>	Warga Syria (ramai)	209
	السوريون <i>/al-suriyyun/</i>	Warga Syria (ramai)	15
	سوريين <i>/suriyyin/</i>	Warga Syria (ramai)	12
	سوريون <i>/suriyyun/</i>	Warga Syria (ramai)	9
	للسوريين <i>/li-suriyyin/</i>	untuk warga Syria (ramai)	9
	السوري <i>/al-suriyy/</i>	Warga Syria (seorang)	54
	سوري <i>/suriyy/</i>	Warga Syria (seorang)	53
	سورية <i>/suriyyat/</i>	Warga Syria (perempuan)	17
٣	الفارين <i>/al-fārrin/</i>	yang melarikan diri	18
٤	المهاجرين <i>/al-muhājirin/</i>	orang yang berpindah	18
٥	النازحين <i>/al-nāzihin/</i>	yang berpindah	11
	نازح <i>/nāzih/</i>	yang berpindah	4
6	القادمين <i>/al-qādimin/</i>	yang datang (ramai)	4

	القادمون <i>/al-qādimun/</i>	yang datang (ramai)	3
	القادم <i>/al-qādim/</i>	yang datang lelaki (seorang)	1
	القادمة <i>/al-qādimat/</i>	yang datang perempuan (seorang)	1
7	الوافدين <i>/al-wāfidin/</i>	rombongan yang tiba	4
8	المُرَّحِلِينَ <i>/al-murāhhilin/</i>	yang dihantar pulang (ramai)	1

Berdasarkan jadual di atas, empat perkataan pelarian dalam al-Jazeera yang berada pada frekuensi tertinggi ialah perkataan لَاجِئِينَ */lāji'in/* (pelarian), diikuti oleh perkataan سوريين */suriyyin/* (warga Syria) dan perkataan مُهَاجِرِينَ */muhājirin/* (pendatang), dan perkataan الْفَارِّينَ */al-farrin/* (yang melarikan diri). Hal ini kerana perkataan لَاجِئٍ */laji'/* (pelarian) seringkali hadir bersama perkataan سُورِيَّ */suriyy/* (warga Syria) sebagai satu entiti iaitu اللَاجِئِينَ السُّورِيَّينَ (Pelarian Syria). Perkataan لَاجِئِينَ */lāji'in/* (pelarian), berulang sebanyak 305 kali, diikuti perkataan سوريين */suriyyin/* (warga Syria) berulang sebanyak 209 kali dan perkataan مُهَاجِرِينَ */muhājirin/* (pendatang), serta الْفَارِّينَ */al-farrin/* (yang melarikan diri) yang masing-masing hadir sebanyak 18 kali berbanding yang lain. Jika dilihat kepada bentuk perkataan, kesemuanya hadir dalam bentuk jamak. Hal ini kerana golongan ini seringkali digambarkan sebagai satu kumpulan besar dan ramai serta seringkali hadir sebagai objek di dalam ayat berbanding sebagai subjek.

لاجئ (Pelarian)

Perkataan لَاجِئٍ (pelarian) dalam al-Jazeera seringkali digandingkan dengan perkataan سُورِيَّ (warga Syria) digunakan bagi merujuk kepada pelarian Syria. Perkataan ini seringkali hadir secara jamak sebagai objek di dalam ayat. Perkataan اللَاجِئِينَ السُّورِيَّينَ (pelarian Syria) hadir sebanyak 114 kali dalam al-Jazeera. Hal ini menunjukkan al-Jazeera seringkali merujuk kepada pelarian Syria menggunakan istilah ini. Perkataan ini juga kerap kali hadir bersama beberapa perkataan. Jadual di bawah menunjukkan kolokasi perkataan pelarian melibatkan lima perkataan yang hadir di sebelah kanan dan hadir di sebelah kiri perkataan لَاجِئٍ (pelarian). Hanya 20 perkataan tertinggi yang diambil. Taburan kolokasi dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 3. Kolokasi Perkataan لاجئ

Jumlah kolokasi : 24		Jumlah token kolokasi : 1281		
Kedudukan	Kekerapan	Kekerapan (kiri)	Kekerapan (kanan)	Perkataan
۱	۲۲۷	۱۰۱	۱۲۶	من
۲	۱۸۹	۱۳۸	۵۱	في
۳	۱۴۹	۱۴۲	۷	السوريين
۴	۹۹	۵۵	۴۴	إلى
۵	۹۴	۲۸	۶۶	أن
۶	۶۲	۲۴	۳۸	على
۷	۴۰	۳۵	۵	سوري
۸	۳۵	۳۰	۵	الذين
۹	۳۳	۲	۳۱	ألف
۱۰	۳۰	۹	۲۱	إن
۱۱	۲۷	۷	۲۰	التي
۱۲	۲۷	۸	۱۹	أكثر
۱۳	۲۵	۱۴	۱۱	عن
۱۴	۲۵	۳	۲۲	عدد
۱۵	۲۵	۱۱	۱۴	المتحدة
۱۶	۲۵	۵	۲۰	آلاف
۱۷	۲۲	۸	۱۴	مع
۱۸	۲۲	۱۲	۱۰	الذي
۱۹	۲۱	۱۰	۱۱	نحو
۲۰	۲۱	۰	۲۱	لشؤون

Berdasarkan jadual 3, lima perkataan tertinggi yang sering hadir bersama perkataan لاجئ (pelarian) ialah مِنْ (dari), diikuti oleh perkataan فِي (di), السوريين (warga Syria), perkataan إِلَى (ke) dan perkataan إِنَّ (sesungguhnya). Perkataan مِنْ (dari), فِي (di) dan إِلَى (ke) merupakan kata sendi nama yang digunakan untuk menunjukkan tempat. Perkara ini menjelaskan mengenai keberadaan pelarian yang sentiasa berubah dari satu tempat ke satu tempat yang lain sehinggalah tiba ke destinasi yang ingin dituju. Situasi ini melibatkan tempat asal, tempat yang mereka sedang berteduh atau singgah dan tempat yang mereka akan pergi seperti فِي محطة وصول (destinasi), فِي محطة انتظار (tempat menunggu), اللجوء إلى دول (suaka ke negara-negara Eropah), فرُّو مِنَ الحَرْبِ الأَهْلِيَّةِ فِي سُوْرِيَا (melarikan diri dari perang saudara di Syria).

نازح (Pelarian Dalam Negara)

Perkataan نازح (pelarian dalam negara) kerap kali digandingkan bersama beberapa perkataan. Jadual di bawah menunjukkan kolokasi perkataan ini yang melibatkan 5 perkataan yang hadir di sebelah kanan dan di sebelah kiri perkataan ini. Penulis hanya mengambil 20 perkataan tertinggi sahaja sebagai sampel.

Jadual 4. Kolokasi Perkataan نازح

Bilangan Jenis Kolokasi (Collocate Types) : 14		Bilangan Token Kolokasi (Collocate Tokens) : 56		
Kedudukan	Jumlah Kekerapan	Kekerapan (kiri)	Kekerapan (kanan)	Perkataan
1	8	5	3	من
2	7	6	1	في
3	5	4	1	السوريين
4	5	3	2	إلى
5	4	2	2	لبنان
6	3	0	3	ملايين
7	3	1	2	عن
8	3	0	3	عاجلة
9	3	1	2	صفة
10	3	1	2	شروط
11	3	1	2	سوري
12	3	1	2	دخول
13	3	0	3	التي
14	3	1	2	أكثر
15	2	1	1	ناشطون
16	2	1	1	مساعدات
17	2	1	1	محمود
18	2	0	2	ما
19	2	1	1	لاجئ
20	2	0	2	قد

Berdasarkan jadual 4, lima perkataan tertinggi yang sering hadir bersama-sama kata نازح *nazih* ialah perkataan (dari) مِنْ, diikuti oleh perkataan (di) فِي, (orang Syria) السُّورِيِّينَ, perkataan (ke) إِلَى dan perkataan Lubnan. Perkataan مِنْ (dari), فِي (di) dan إِلَى (ke) merupakan kata sendi nama yang digunakan untuk menunjukkan tempat. Perkara ini menjelaskan

mengenai keberadaan pelarian yang sentiasa berubah dari satu tempat ke satu tempat yang lain sehinggalah tiba di destinasi yang ingin dituju. Perkataan نازح seringkali digunakan kepada pelarian dalam negara, cara pergerakan pelarian ke negara yang bersempadan dan berdekatan seperti Lubnan.

مُهَاجِر (Pendatang)

Perkataan مهاجر (pendatang) kerap kali hadir bersama beberapa perkataan. Jadual di bawah menunjukkan kolokasi perkataan pelarian melibatkan 5 perkataan di sebelah kanan dan kiri. Penulis hanya mengambil 20 perkataan tertinggi sahaja sebagai sampel.

Jadual 5. Kolokasi Perkataan مُهَاجِر

Bilangan Jenis kolokasi (Collocate Types) : 209		Bilangan Token Kolokasi (Collocate Tokens) : 310		
Kedudukan	Kekerapan	Kekerapan (kiri)	Kekerapan (kanan)	Perkataan
1	18	5	13	من
2	9	8	1	غير
3	8	6	2	في
4	7	3	4	اللاجئين
5	7	7	0	إلى
6	6	6	0	الشرعيين
7	6	2	4	أن
8	4	4	0	المغرب
9	4	0	4	أعداد
10	3	0	3	وصول
11	3	3	0	و
12	3	0	3	لمنع
13	3	2	1	قوس
14	3	2	1	على
15	3	3	0	الذين
16	2	2	0	يصلون
17	2	1	1	ويأتي
18	2	2	0	وفي
19	2	1	1	وطالب
20	2	2	0	هذا

Berdasarkan jadual 5, terdapat lima perkataan yang sering hadir bersama perkataan pendatang ialah kata مِنْ (dari), غَيْرَ (tidak), perkataan فِي (di), اللاجئين (pelarian) dan perkataan إِلَى (ke). Perkataan مِنْ (dari), فِي (di) dan إِلَى (ke) merupakan kata sendi nama yang digunakan untuk menunjukkan tempat. Perkara ini menjelaskan mengenai keberadaan pendatang yang sentiasa berubah dari satu tempat ke satu tempat yang lain sehinggalah tiba di destinasi yang ingin dituju. Hal ini adalah sama seperti perkataan sebelum ini. Namun penggunaan kata غير (tidak) digunakan bersama perkataan pendatang kerana status pendatang yang dianggap sebagai pendatang haram dan tidak sah. Perkataan pendatang sering hadir dengan frasa غير الشرعيين (tidak sah). Perkataan اللاجئين (pelarian) pula sering hadir sebelum perkataan ini kerana al-Jazeera membezakan penggunaan pelarian dan pendatang.

فار (Yang Melarikan Diri)

Perkataan ini kerap kali hadir bersama beberapa perkataan. Jadual di bawah menunjukkan kolokasi perkataan ini melibatkan lima perkataan yang hadir di sebelah kanan dan lima perkataan yang hadir di sebelah kiri perkataan ini. Penulis hanya mengambil 20 perkataan tertinggi sebagai sampel.

Jadual 6. Kolokasi Perkataan فار

Bilangan Jenis Kolokasi (Collocate Types) : 202		Bilangan Token Kolokasi (Collocate Tokens) : 318		
Kedudukan	Frekuensi	Kolokasi (kiri)	Kolokasi (kanan)	Perkataan
1	28	22	6	من
2	١٢	٨	٤	في
3	١١	٠	١١	اللاجئين
4	١١	٧	٤	إلى
5	٧	٠	٧	السوريين
6	٥	٥	٠	الحروب
7	٤	٤	٠	سوريا
8	٤	٤	٠	أوروبا
9	٤	٠	٤	آلاف
10	٣	٣	٠	ولايات
11	٣	٢	١	بلادهم
12	٣	٣	٠	ببلادهم
13	٣	١	٢	إن
14	٣	١	٢	أن
15	٢	٢	٠	يعصف

16	٢	٠	٢	والفلسطينيين
17	٢	٢	٠	هول
18	٢	٢	٠	منهم
19	٢	٠	٢	معاونة
20	٢	١	١	مثل

Berdasarkan jadual 6, lima perkataan yang sering hadir bersama perkataan **فَار** ialah perkataan **مِنْ** (dari), **فِي** (di), diikuti oleh perkataan **اللاجئين** (pelarian), perkataan **إِلَى** (ke) dan perkataan **السوريين** (warga Syria). Perkataan **مِنْ** (dari), **فِي** (di) dan **إِلَى** (ke) merupakan kata sendi nama yang sering digunakan untuk menunjukkan tempat. Perkataan **فَار** menunjukkan cara pergerakan pelarian yang sentiasa bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain sehinggalah tiba di destinasi yang ingin dituju. Perkataan **فَار** juga sering hadir selepas kata **اللاجئين** (pelarian) yang membentuk frasa **اللاجئون السوريون الفارون** yang memberi maksud “pelarian Syria yang melarikan diri”. Jika dilihat dari keempat-empat perkataan sebelum ini, terdapat persamaan pada kolokasi yang terlibat terutamanya kata sendi nama.

Jadual 7. Persamaan Kolokasi Antara Perkataan Pelarian, Pendatang, Pelarian Dalam Negara dan Perkataan Yang Melarikan Diri

Pelarian (لاجئ)	Makna	Pendatang (مهاجر)	Makna	IDPs (نازح)	Makna	yang lari فار	Makna
من	dari	من	dari	من	dari	من	dari
في	di	في	di	في	di	في	di
السوريين	Warga Syria	-	-	السوريين	Warga Syria	السوريين	Warga Syria
ألف/آلاف	ribuan/ ribu	-	-	ملايين	jutaan	آلاف	ribuan

Berdasarkan jadual 7, perkataan yang sering hadir bersama ketiga-tiga perkataan ialah perkataan (dari) **مِنْ**, kata (di) **فِي** dan perkataan (warga Syria) **السوريين**. Hal ini menunjukkan perkataan pelarian sering dikaitkan dengan destinasi dan tempat. Seorang pelarian dilihat sebagai golongan yang melarikan diri dari negara asal serta mencari perlindungan di negara lain. Selain tema destinasi dan tempat terdapat juga beberapa tema lain (rujuk jadual 8) yang sering hadir dalam berita mengenai pelarian.

Jadual 8. Tema utama perkataan pelarian

Tema	Contoh
Destinasi	Melibatkan tempat asal, dan tempat yang mereka sedang berteduh/transit dan tempat yang mereka akan pergi seperti (destinasi) محطة انتظار , (tempat menunggu) انتظار , (suaka ke negara-negara Eropah) اللجوء إلى دول أوروبا , (melarikan diri dari perang saudara di Syria) فروا من الحرب الأهلية في سوريا .
Nombor	Melibatkan kata yang digunakan untuk merujuk pelarian dalam bentuk kumpulan ramai seperti (ratusan ribu) مئات الآلاف , (sepuluh ribu) عشرة آلاف , (jutaan) ملايين , (gelombang) موجة , (aliran) تدفق .
Kemasukan	Melibatkan kata kerja yang menunjukkan kemasukan ke sesebuah negara seperti (sampai) وصل , (datang) قادم , (masuk) دخول , (melintasi) عبر ; kata kerja yang menunjukkan mereka cuba masuk secara tidak sah

	seperti (cuba) حاول, tempat mereka transit seperti (menunggu) إنتظار, atau tempat mereka masuk seperti (negara yang berdekatan) الدول الحدود المجاورة dan (sempadan negara) الحدود.
Kediaman	Kediaman yang didiami pelarian ketika transit seperti kem مخيمات اللجوء, rumah perlindungan مأوى sementara, atau ketika tiba di destinasi الدولة المجاورة, negara berdekatan محطة وصول.
Kepulangan	Melibatkan perkataan yang digunakan pelarian bagi menunjukkan impian mereka untuk pulang. Contohnya: "aku rindu untuk pulang ke Syria" "أتوق إلى العودة إلى سوريا"
Status	Melibatkan status pelarian seperti pelarian, pendatang dan kesan yang diterima golongan ini dari status yang diberikan seperti (tidak sah) غير الشرعيين, (ditangkap ditahan) اعتقال, berhak, sah.
Kesusahan	Melibatkan situasi yang dihadapi pelarian ketika meninggalkan negara masing-masing seperti terpaksa, takut, melarikan diri dan keadaan yang dihadapi pelarian seperti tiada bantuan, tiada rumah, (penderitaan yang menyeksakan) معاناة كارثية, (penderitaan yang berganda) معاناة مزدوجة (tidur dia atas tanah) تنام بالعرء, (kehidupan yang susah) معيشية صعبة.

Al-Jazeera membezakan dengan jelas 3 kategori utama iaitu perkataan (pelarian) اللاجئ, (pelarian dalam negara) النازح dan (pendatang) المهاجر. Perkataan لاجئ merujuk kepada pelarian Syria yang berpindah keluar dari Syria. Manakala perkataan نازح digunakan bagi merujuk pelarian yang melarikan diri dalam negara Syria. Manakala perkataan مهاجر sentiasa digunakan bagi merujuk kepada pendatang yang tidak sah. Perkataan مهاجر seringkali hadir apabila terdapat pelarian lain yang datang bersama pelarian Syria seperti pelarian Palestin dan Afrika. Hal ini dapat dilihat dalam contoh penggunaannya di bawah:

Jadual 9. : Contoh Penggunaan Kata Pelarian

Perkataan	Contoh Penggunaan
اللاجئ Pelarian	إن هناك نحو تسعة ملايين سوري ما بين لاجئ ونازح، مما يشكل أكبر أزمة لاجئين في العالم. Terdapat lebih kurang 9 juta orang Syria yang merupakan pelarian dan IDPs yang merupakan krisis pelarian terbesar di dunia.
النازح Pelarian dalam negara (IDPs)	أكثر من ستة ملايين نازح فروا من منازلهم، وعبر منهم ٢,٣ مليون الحدود ليصيروا لاجئين. Lebih dari ribuan pendatang melarikan diri dari rumah mereka , dan lebih dari 2.3 juta melintasi sempadan untuk menjadi pelarian.
المهاجر Pendatang	أن العدد الأكبر من اللاجئين والمهاجرين غير الشرعيين الذين يصلون إلى أوروبا عبر البحر المتوسط هم المدنيون السوريون الفارون من النزاع الدائر في بلادهم، والفلسطينيون القادمون من مخيمات اللاجئين في سوريا التي تعاني حصارا شديدا وخانقا منذ عدة أشهر. Bilangan terbesar pelarian dan pendatang haram yang sampai ke Eropah melalui laut Mediteranean merupakan orang Syrian yang melarikan diri dari peperangan di negara mereka serta penduduk Palestin yang datang dari kem pelarian di Syria yang telah mengalami pengepungan yang teruk sejak beberapa bulan.

8.0 Perbincangan

Secara umumnya, kategori pelarian dalam al-Jazeera bergantung kepada cara pergerakan golongan pelarian. Selain itu, cara penerimaan negara tuan rumah terhadap pelarian juga mempengaruhi pemilihan perkataan pelarian. Berdasarkan laporan berita yang disampaikan, terdapat negara yang mengalu-alukan pelarian Syria seperti Lubnan dan Turki. Terdapat juga negara yang tidak menerima kedatangan mereka seperti Mesir dan Hungary. Hal ini mempengaruhi pemilihan kata yang digunakan bagi merujuk golongan ini. Hakikatnya semua pelarian berhak mendapat perlindungan. Undang-undang antarabangsa menetapkan kategori pelarian adalah suatu perisytiharan. Hal ini bermaksud, mereka mempunyai hak asasi sebagai pelarian sebelum mereka diiktiraf secara rasmi (Amnesty Antarabangsa : 2010).

Melalui laporan berita yang disampaikan, warga Syria yang melarikan diri dianggap sebagai pelarian dan berhak menerima bantuan. Al-Jazeera juga sering menggunakan nombor dan statistik dalam laporan mengenai pelarian. Hal ini bagi menunjukkan jumlah pelarian yang ramai telah keluar dari Syria. al-Jazeera menggunakan metafora air apabila membincangkan mengenai kebanjiran golongan ini. Perkataan seperti gelombang *maujat* (موجة), aliran *tadaffuq* (تدفق) dan barisan *tawabir* (طوابير) seringkali digunakan sebagai rujukan kepada pelarian selain menggunakan laporan statistik. Metafora yang digunakan bertujuan menggambarkan betapa ramainya pelarian Syria yang berpindah ke negara luar. Metafora ini boleh dilihat dengan kedua-dua aspek positif dan negatif dengan melihat konteks laporan berita yang dilaporkan. Al-Jazeera umpamanya, menggunakan unsur metafora ini bagi meraih simpati dan bantuan masyarakat. Perkara ini mungkin berbeza di dalam berita dari negara Eropah yang melihat pelarian sebagai ancaman kepada mereka. Pertentangan ini berlaku akibat pengalaman berbeza antara kedua-dua negara. Al-Jazeera yang mewakili negara Qatar tidak terlibat secara langsung dalam krisis pelarian. Hal ini berbeza dengan negara Eropah yang menjadi destinasi pilihan pelarian. Perkara ini secara tidak langsung mempengaruhi cara laporan disampaikan seterusnya mempengaruhi pemilihan kata yang digunakan.

9.0 Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga kategori utama pelarian yang terdapat dalam laporan berita al-Jazeera. Kategori ini melibatkan golongan pelarian, golongan pelarian dalam negara dan pendatang. Perkataan pelarian لاجئ seringkali muncul dengan perkataan Syria digunakan bagi merujuk kepada pelarian Syria yang berpindah keluar dari Syria serta berhak mendapat perlindungan dan bantuan. Perkataan pelarian dalam negara نازح pula digunakan kepada pelarian Syria yang melarikan diri dari rumah mereka ke kawasan lain. Perkataan ini juga digunakan untuk merujuk pelarian yang berpindah ke negara yang hampir dengan mereka seperti Lubnan. Perkataan مهاجر yang bermaksud pendatang atau migran digunakan bagi merujuk kepada pendatang yang tidak sah. Pendatang sering dirujuk kepada pelarian selain Syria, seperti Palestin, Afrika dan sebagainya. Tema yang seringkali digunakan bersama kata pelarian telah membentuk identiti golongan pelarian sebagai golongan yang sentiasa bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain, golongan yang hadir dalam jumlah yang ramai dan menjadi ancaman kepada negara tuan rumah, golongan yang berpindah masuk ke negara berdekatan, golongan yang terpaksa tinggal di kem pelarian dan di negara orang, golongan yang ingin kembali ke tanah air berikutan kesusahan yang dialami di negara orang dan sering

dikaitkan dengan status sah mereka sebagai pelarian. Tema-tema ini adalah tema yang sering digunakan di dalam semua laporan berita mengenai pelarian di dunia dan membentuk identiti golongan pelarian yang ada bukan sahaja di dalam laporan berita, malah pewacana berkuasa menarik pembaca untuk bersetuju dengannya melalui laporan berita yang ditulis.

Rujukan

- Abdi, R & Basarati, A. (2016). A critical analysis of the representation of Yemen crisis in ideologically-loaded newspaper headlines. *GEMA Online of Language Studies*, 16(3), 35-72.
- Abid, Z. (2015). *The representation of Syrian Refugees in the online media news, reports of host and non-host country : a corpus-based critical discourse analysis*. (Unpublished Doctoral Thesis). Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Ahmad Mukhtar Umar. (2008). *Al-Mu'jam al-Lughah al-Arabiyah al-Mu'asir*. Kaherah: 'Alim al-Kutub.
- Ibrāhīm Madkūr. (1990). *Al-Mu'jam al-Wasīf*. Istanbul : Dār al-Da'wah.
- Amnesty International Malaysia (2010). *Diseksa Dan Ditinggalkan Pelarian Dinafikan Hak Di Malaysia Amnesty June 2010*.
- Baker, P., Gabrielatos, C., Khosravini, M., Krzyzanowski, M., Mcenery, T., & Wodak, R. (2008). A useful methodological synergy? Combining critical discourse analysis and corpus linguistics to examine discourses of refugees and asylum seekers in the UK press. *Discourse & Society*, 19(3), 273-306.
- Blinder, S., & Allen, W. L. (2016). Constructing immigrants: Portrayals of Migrant Groups in British National newspapers, 2010-2012. *International Migration Review*, 50(1), 3-40.
- Bolte, S. & Keong, Y. C. (2014). The Refugee Swap Deal in Malaysian Online News Reports: Ideology and Representation. *GEMA Online of Language Studies*, 14(2), 93-108.
- Burroughs, E. (2015). Discursive representations of 'illegal immigration' in the Irish newsprint media: The domination and multiple facets of the 'control' argumentation. *Discourse & Society*, 26(2), 165-183.
- Breen, M.J., Haynes, A. and Devereux, E. (2006), 'Fear, Framing and Foreigners: The Othering of Immigrants in the Irish Print Media'. *International Journal of Critical Psychology*, 16, 100-121.
- Coole, C. (2002). A warm welcome? Scottish and UK media reporting of an asylum-seeker murder. *Media, Culture & Society*, 24(6), 839-852.
- Dimitrova, D. V., Ozdora-Aksak, E., and Connolly-Ahern C. (2018). On the border of the Syrian refugee crisis: Views from two different cultural perspectives. *American Behavioral Scientist*, 00(0), 1-15.
- Don, Z. M., & Lee, C. (2014). Representing immigrants as illegals, threats and victims in Malaysia: Elite voices in the media. *Discourse & Society*, 1-19.
- Efe, I. (2018). A corpus-driven analysis of representations of Syrian asylum seekers in the Turkish press 2011-2016. *Discourse & Communication*, 00(0), 1-20.
- Esses, V. M., Medianu, S., & Lawson, A. S. (2013). Uncertainty, threat, and the role of the media in promoting the dehumanization of immigrants and refugees. *Journal of Social Issues*, 69(3), 518-536.
- El-Nawawy, M. and A. Iskandar (2002) *Al-Jazeera: How the Free Arab News Network*

- Scooped the World and Changed the Middle East*. Boulder, CO: Westview Press.
- El-Nawawy, M. (2003) 'Why Al-Jazeera is the Most Popular Network in the Arab World', *Television Quarterly* 34: 10–15.
- Fahmy, S., & Johnson, T. J. (2007). Show the truth and let the Audience decide: A web-based survey showing support among viewers of Al-Jazeera for use of graphic imagery. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 51(2), 245-264.
- Fairclough, N. (1989). *Language and power*. London: Longman.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and social change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N. (1995). *Media discourse*. London: Hodder Arnold.
- Fairclough, N. (2003). *Analysing discourse*. London: Routledge.
- Gabrielatos, C., & Baker, P. (2008). Fleeing, sneaking, flooding: A corpus analysis of discursive constructions of refugees and asylum seekers in the UK Press, 1996-2005. *Journal of English Linguistics*, 36(1), 5-38.
- Goodman, S., & Speer, S. A. (2007). Category use in the construction of asylum seekers. *Critical Discourse Studies*, 4(2), 165-185.
- Høeg, E. and D. Tulloch C. (2019). Sinking strangers: Media representations of climate refugees on the BBC and Al-Jazeera. *Journal of Communication Inquiry*, 43 (3), 225-248.
- Jamaluddin Muhammad Bin Mukarram. (2008). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Johnson, T. J., & Fahmy, S. (2008). The CNN of the Arab world or a skill for terrorist. *The International Communication Gazette*, 70(5), 338-360.
- Kamus al-Munjid fi al-Lughat al-Arabiyah al-Muasirah. (2000). Beirut: Dar al-Mashriq.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiah. (2004).
- Khosravini, M. (2009). The representation of refugees, asylum seekers and immigrants in British newspapers during the Balkan conflict (1999) and the British general election (2005). *Discourse & Society*, 20(4), 477-498.
- Kyriakides, C. (2016). Words don't come easy: Al Jazeera's migrant-refugee distinction and the European culture of (mis)trust. *Current Sociology*, 1-20.
- Lee, C. (2016). *Refugee Representation In Malaysia: A Study Of Media Representations And Personal Narratives*. (Doctoral Thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Leeuwen, T. V., & Wodak, R. (1999). Legitimizing immigration control : a discourse-historical analysis. *Discourse Studies*, 1(1), 83-118.
- Lueck, K, Due C. & Augoustinos, M. (2015). Neoliberalism and nationalism: Representations of asylum seekers in the Australian mainstream news media. *Discourse & Society*, 26(5), 608-629.
- Mayasari, M., Darmayanti, N. & Riyanto, S. (2013). Critical discourse analysis of reporting on "Saweran for KPK Building" in media Indonesia Daily Newspaper. *International Journal of Linguistics*. 5(4), 213-224.
- Perez, M (2021). Discourses of difference and the boundaries of exile amongst Palestinian refugees in Jordan. *Anthropology of The Middle East*. 16 (1), 9-31.
- United Nations High Commissioner for Refugees (2007, Disember 12). Refugees *Magazine Issue 148: "Refugee or Migrant - Why It Matters"*. Dimuat turun daripada: <http://www.unhcr.org/news/editorial/2007/12/475fec972/refugees-magazine-issue-148-refugee-migrant-matters-refugee-migrant.html>
- Ibnu Manzur. (2008). *Lisanul Arab*. Beirut: Dar Sader Publishers.

- Parker, S. (2015). 'Unwanted invaders': The representation of refugees and asylum seekers in the UK and Australian print media. *eSharp* (23), 1-21.
- United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) Malaysia (t.t.) Figures at a glance. Available at: http://www.unhcr.org.my/About_Us-@-Figures_At_A_Glance.aspx
- United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) (2016) UNHCR Global Trends Forced Displacement in 2016. Diperoleh melalui: <http://www.unhcr.org/5943e8a34.pdf>
- United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) (2014.) UNHCR Global Trends Forced Displacement in 2014. Diperoleh melalui: <http://www.unhcr.org/statistics/country/556725e69/unhcr-global-trends-2014.html>
- United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) (t.t). The truth about asylum. Diperoleh melalui: https://www.refugeecouncil.org.uk/policy_research/the_truth_about_asylum/the_facts_about_asylum
- United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) (2016) UNHCR Global Trends Forced Displacement in 2016. Diperoleh melalui: <http://www.unhcr.org/statistics/unhcrstats/5943e8a34/global-trends-forced-displacement-2016.html>
- United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR). Syria regional refugee response. Diperoleh melalui: <http://data.unhcr.org/syrianrefugees/regional.php>
- Zhang, M. (2014). A critical discourse analysis of political news reports. *Theory and Practice in Language Studies*. 4(11), 2273-2277.
- Zulkifli Mohamad. (2012). *Krisis Syria dan mauqif ulama*. Negeri Sembilan, Malaysia: Pustaka Cahaya Kasturi.